

NIOSH Syor AES Diteruskan

Published on: Oct 15, 2012 @ 3:08

Berita Harian, Nasional, 14 Oktober 2012

NIOSH syor AES diteruskan

Kuala Lumpur: Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) berpendirian penggunaan kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) wajar diteruskan.

Bagaimanapun, Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata pelaksanaannya kelak perlu mengambil kira pandangan pelbagai pihak bagi menambah baik sistem itu.

"Jabatan Pengangkutan Ja-

lan (JPJ) perlu memantau pelaksanaan sistem itu dengan sebaiknya dan memberi ruang kepada pelbagai pihak memberi cadangan bagi mendapatkan sistem pemantauan yang lebih cekap," katanya selepas merasmikan Hari Keselamatan Syarikat Versatile Creative Berhad (VCB), di sini, semalam.

Hari Keselamatan VCB dianjurkan sempena sambutan

Hari Sedunia Bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja dengan pelbagai pengisian diadakan seperti pameran kesihatan daripada agensi kerajaan berkaitan, pertandingan berjalan kaki serta seminar keselamatan.

Beliau mengulas laporan Ahli Parlimen Barisan Nasional dan pembangkang di Dewan Rakyat Rabu lalu, merayu kerajaan mengkaji semula penggunaan AES bagi mengurangkan kemalangan jalan raya.

Perlu pemantau trafik

Lam Thye berkata, negara ini memerlukan sistem pemantauan jalan raya yang cekap dan berkesan bagi mendisip-

linkan pengguna.

"AES adalah langkah terbaik mendidik pengguna jalan raya yang kurang berdisiplin sekali gus mengurangkan statistik kemalangan maut di Malaysia yang mencatatkan lebih 6,000 kes setiap tahun.

18 hingga 20 nyawa sehari

"Lebih 6,000 kemalangan maut dicatatkan setiap tahun sejak beberapa tahun lalu dan ini diterjemahkan kepada 18 hingga 20 nyawa setiap hari.

"Jika pelaksanaan AES terbukti mampu mengurangkan statistik kemalangan maut di negara ini, pelaksanaannya memang wajar diteruskan," katanya.